

Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Sekolah Tamil

Learning of Malay Language as a Second Language among Students of a Tamil School

SARASWATHY A/P PORMALU @ PERUMAL, ROHAIDAH KAMARUDDIN, PARAMASIVAM A/L MUTHUSAMY, AYUNI MOHAMAD BAKARI & HUSNA HIDAYAH MANSOR

ABSTRAK

Sikap murid-murid dalam pembelajaran bahasa kedua didapati mempengaruhi proses pembelajaran bahasa tersebut. Kajian ini bertujuan untuk meninjau sikap murid-murid terhadap 'Pembelajaran Bahasa Kedua' iaitu, Pembelajaran Bahasa Melayu (BM) sebagai Bahasa Kedua (B2) di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bukit Mertajam (SJKT BM), Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kajian ini akan merangkumi sikap murid terhadap pembelajaran bahasa kedua iaitu 'Bahasa Melayu'. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pencapaian BM murid-murid SJKT BM dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2013; meninjau sikap murid-murid terhadap pembelajaran BM Bahasa Kedua di SJKT BM dari aspek kognitif, afektif dan konatif; serta mengenal pasti dan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap positif dan negatif murid-murid terhadap pembelajaran BM sebagai B2. Kajian ini adalah kajian kuantitatif secara ringkas dan kualitatif yang melibatkan seramai 87 orang murid SJKT BM, Pulau Pinang yang telah menduduki UPSR pada tahun 2013. Data kajian adalah berdasarkan kepada keputusan UPSR bagi mata pelajaran BM sahaja. Dari segi kognitif, didapati bahawa kesemua murid menyatakan kepentingan dan kesedaran BM. Terdapat juga murid-murid yang gagal dalam pembelajaran bahasa kedua ini, walaupun mereka memberi keutamaan kepada bahasa tersebut. Hal ini bergantung kepada tahap pembelajaran dan pengalaman lampau mereka. Manakala, dari aspek afektif pula semua pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa kedua ini. Hanya murid-murid yang lemah dan belajar di kelas terakhir sahaja, rasa kurang selesa dengan pembahagian kelas secara kaedah 'streaming' berdasarkan keputusan 'Ujian Diagnosis' (UG) yang diadakan pada awal tahun. Di samping itu, murid-murid turut menonjolkan kesungguhan dalam pembelajaran bahasa kedua dari aspek konatif. Malah, mereka memperlihatkan keinginan mereka untuk terus mengukuhkan pembelajaran bahasa kedua di sekolah menengah nanti. Kajian ini merumuskan supaya kaedah pembelajaran bahasa kedua, iaitu BM yang dipraktikkan perlu disesuaikan dengan latar belakang murid-murid sekolah rendah, terutamanya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh Malaysia. Langkah ini pasti akan menjanjikan tahap prestasi yang tinggi dalam pembelajaran bahasa kedua kelak di SJKT.

Kata kunci: Pembelajaran bahasa kedua; sikap; kognitif; afektif, konatif

ABSTRACT

Students' attitude in learning a second language is found to have effects on the learning of the language. This research is done in order to investigate the attitude of students towards 'Learning of the Second Language' that is the learning of Malay Language as the second language in Bukit Mertajam Tamil Vernacular Primary School (SJKT BM), Bukit Mertajam Pulau Pinang. This research is going to encompass the attitude towards the learning of second language and the attitude towards a specific language that is Malay Language. The objective of this research is to identify the level of achievement of SJKT BM pupils Malay Language in the Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2013 examination; to examine the students' attitude from the cognitive, affective and conative aspects; and finally to identify and discuss the factors that influence the positive and negative attitudes towards pupils learning on Malay Language as Second Language. This is a simple quantitative research and qualitative that involved 87 students of Bukit Mertajam Tamil Vernacular Primary School who sat for Primary School Achievement Test in 2013. The research data is based on the UPSR results for Malay Language subject only. From the cognitive aspect, it is found that all students realise the importance of Malay Language. There were students who failed in the learning of this second language although they did give importance to the language. This matter depends on the level of learning and their previous experience. Meanwhile the affective aspect, students showed positive attitude towards the learning of the second language. Only students who are weak and in the last class felt uncomfortable with the division of classes that was based on the streaming method based on the Diagnostics Test done in the early part of the year. Besides that factor, students also showed tremendous effort in learning the second language from the conative aspect. They also showed their interest in strengthening their second language learning in the secondary school later. This study conclude that the second

language learning that is Malay Language must be practised and adjusted to the background of the primary school students. This step will ensure primary schools especially Tamil Vernacular Primary School (SJK (T)) in the whole of Malaysia. This step will ensure the high performance level in the learning of second language in SJK (T).

Keywords: Second language learning; attitude; cognitive; affective; conative

PENGENALAN

Sejajar dengan polisi kebangsaan kerajaan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (Undang-Undang Parlimen-Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152(1)), semua murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) perlu mempelajari Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kedua (B2) rasmi secara formal, bermula dari tahun 1 sehingga tahun 6. Sejak Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Seksyen 2, dikuatkuasakan, Kerajaan Malaysia telah mewajibkan pendidikan BM sebagai B2 di semua SJKT dan SJKC.

BM telah menjadi satu mata pelajaran wajib dalam kurikulum sekolah, sama ada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) atau Kurikulum

Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pelajar telah diwajibkan untuk mempelajari BM sejak dari tahun 1 sehingga ke tingkatan 6. Akan tetapi, segelintir pelajar SJKT yang telah melalui pembelajaran formal selama 6 tahun di sekolah rendah masih tidak mampu untuk berkomunikasi dalam BM pada usia 12 tahun. Malah, terdapat juga murid yang gagal menguasai sepenuhnya 2M iaitu, 'Membaca' dan 'Menulis' dalam BM. Mengapakah mereka tidak dapat menguasai BM? Ini kerana B2 diperolehi dalam bentuk pembelajaran Bahasa baru yang dirancang dengan proses yang sengaja sifatnya (Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah 2014).

Peruntukan masa bagi pembelajaran BM sebagai B2 di semua SJKT dan SJKC di seluruh Malaysia adalah berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah:

JADUAL 1. Peruntukan Masa Seminggu KSSR / KBSR
(Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. II/2010 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/1994)

MATA PELAJARAN	PERUNTUKAN MASA SEMINGGU KSSR / KBSR (MINIT)					
	TAHAP 1 KSSR			TAHAP 2 KBSR		
	1	2	3	4	5	6
BAHASA MALAYSIA	300	300	300	150	150	150

JADUAL 2. Peruntukan Masa Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap II
(Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2 Tahun 2013: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap II Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2014.)

BIL	MATA PELAJARAN	MASA DALAM SEMINGGU (MINIT)		
		SK	SJKC	SJKT
MATA PELAJARAN TERAS				
1.	Bahasa Malaysia	300	240	240

Peruntukan masa dalam Jadual 1 adalah berdasarkan peruntukan masa yang terdapat pada buku rekod guru di sekolah rendah, manakala Jadual 2 pula berdasarkan Surat Pekeliling yang terkini bertarikh 16 Disember 2013.

Murid-murid tahun enam di SJKT BM, Bukit Mertajam, Pulau Pinang diagihkan kepada 3 kelas berdasarkan keputusan Ujian Diagnosis (UG).

Murid-murid yang mendapat keputusan cemerlang dalam UD telah ditempatkan di kelas 6 Thiruvalluvar (6T), sederhana di 6 Kambar (6K) dan lemah pula di tahun 6 Bharathiyar (6B). Keseluruhan murid ini terdiri daripada murid-murid yang berbeza latar belakang pengalaman dalam pembelajaran BM.

Sebahagian besar daripada mereka telah mendapat pendidikan pra sekolah iaitu di tabika atau

taska swasta mahupun kerajaan. Namun, terdapat juga murid-murid yang baru mempelajari B2 ini di Tahun 1. Di samping itu, terdapat juga murid-murid yang berasal dari persekitaran yang berbeza. Pengalaman penulis sebagai guru di sekolah rendah selama 8 tahun mendapati bahawa pengetahuan dan kepercayaan yang sedia ada, kurang daya saing dengan murid lain, risau, cepat bosan, degil, perasan takut terhadap perkara baru, kerap ponteng ke sekolah, dan kurang motivasi telah mempengaruhi sikap murid-murid ini terhadap pembelajaran B2 yang dirasakan memang asing bagi mereka.

Justeru, kepelbagaian latar belakang pengalaman murid-murid di SJKT BM diramal mempengaruhi sikap murid terhadap pembelajaran B2, iaitu BM. Kajian ini hanya akan memfokuskan kepada pentingnya sikap penutur, iaitu murid-murid SJKT BM, Bukit Mertajam, Pulau Pinang dalam usaha mempelajari B2 iaitu BM sahaja.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti tahap pencapaian BM murid-murid SJKT BM, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, dalam peperiksaan UPSR 2013.
2. Meninjau sikap murid-murid terhadap pembelajaran BM sebagai B2 di SJKT BM dari aspek kognitif, afektif dan konatif.
3. Mengenal pasti dan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap positif dan negatif murid-murid terhadap pembelajaran BM sebagai B2.

SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pencapaian BM dalam UPSR 2013 dalam kalangan murid-murid SJKT BM, Pulau Pinang sahaja. Kajian ini meninjau sikap murid-murid terhadap pembelajaran B2 iaitu BM dan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi sikap positif dan negative terhadap pembelajaran BM sahaja. Data kajian adalah berdasarkan keputusan UPSR bagi mata pelajaran BM sahaja iaitu kertas Pemahaman dan kertas Penulisan sahaja. Kajian ini dijalankan terhadap 87 orang murid SJKT BM yang telah menduduki UPSR 2013.

SOROTAN KAJIAN

Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014) berpendapat sikap mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian seseorang di dalam pembelajarannya. Mereka berpendapat, sikap ialah sesuatu yang abstrak dan hanya dapat dilihat atau dirasa melalui tindakan yang diambil. Menurut Zamri Mahamod (2004), sikap banyak mempengaruhi sejauh mana pelajar dapat mempelajari dan menguasai dengan pantas pembelajaran B2. Sikap terbina hasil daripada pengaruh sosial dan kadangkala boleh diwarnai dengan pelbagai emosi. Dua bentuk sikap yang amat penting dalam pembelajaran B2 ialah sikap terhadap bahasa yang hendak dipelajari dan sikap terhadap penutur-penutur bahasa yang hendak dipelajari (Zulkifley Hamid 1994: 77-78).

Sikap terhadap bahasa merujuk kepada tingkah laku sesuatu komuniti terhadap sesuatu bahasa yang khusus, sama ada ianya bersifat positif atau negatif. Sikap terhadap bahasa yang dimaksudkan di sini adalah seperti indah, mudah difahami, dipelajari dan sebagainya. Sikap negatif terhadap sesuatu bahasa atau penutur asal bahasa boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa tersebut, dan seterusnya mempengaruhi tahap penguasaan yang dicapai. Sikap negatif boleh menjadi penghalang kepada tahap pencapaian kefasihan yang diingini dan dalam aspek ini, ia lebih mempengaruhi murid-murid India di sekolah. Sikap seseorang itu dipengaruhi oleh faktor ekonomi, politik, sosial, agama dan budaya (Norizah 2005). Peranan motivasi pembelajaran B2 telah dikaji secara intensif oleh ahli psikologi sosial di Kanada, di mana Bahasa Perancis dan Bahasa Inggeris adalah dua bahasa rasmi. Teori Sosio-Pendidikan Gardner (Gardner 1985) menyatakan;

“L2(language 2/second language) learners with positive attitudes toward the target culture and people will learn the target language more effectively than those who do not have such positive attitudes”.

Menurut Teori Sosio-Pendidikan Gardner, sikap merupakan salah satu komponen dalam konstruk motivasi. Dalam kajian mereka yang terdahulu, Gardner dan Lambert (1959) mendapati bahawa, kebolehan dan motivasi merupakan dua faktor yang saling berkait rapat dengan pencapaian pelajar dalam B2. Ia terdiri daripada dua bentuk, iaitu sikap terhadap pembelajaran bahasa dan sikap terhadap komuniti bahasa. Sikap pembelajaran bahasa terbahagi kepada

dua iaitu, sikap terhadap bahasa dan sikap terhadap guru yang mengajar bahasa tersebut. Gardner dan MacIntyre (1993) telah merumuskan banyak daripada hasil kajian yang dikendalikan oleh mereka sejak beberapa dekad dan telah membangunkan “Model Gardner Sosioedukational SLA”. Gardner telah membahagikan sikap kepada tiga komponen asas iaitu kognitif, afektif dan konatif. Aspek kognitif adalah berkaitan dengan kepercayaan seseorang terhadap bahasa, afektif pula melibatkan reaksi secara emosi terhadap kepercayaan dan konatif apabila melibatkan kelakuannya terhadap kepercayaan tersebut (Eiko Ushida 2005: 50-51).

Yorio (1986), berpendapat bahawa faktor persepsi dan kepercayaan boleh mempengaruhi konatif atau tindak balas pelajar terhadap proses pembelajaran. Misalnya, jika persepsi pelajar terhadap sesuatu subjek itu adalah rendah, maka mereka tidak akan memberikan fokus yang tinggi terhadap subjek tersebut. Dalam kajian ini, sikap bahasa merujuk kepada sikap murid-murid SJKT BM terhadap pembelajaran B2, iaitu BM. Aspek yang dikaji ialah kognitif, afektif dan konatif murid-murid SJKT BM. Pintrich et al. (1991) dan Lynch (2006) berpendapat bahawa, pembelajaran bersama rakan sepengajian memberi impak yang positif terhadap pencapaian pelajar. Perbincangan bersama rakan akan membantu mereka mendapat gambaran yang jelas tentang bahan kursus yang mungkin tidak dapat diperolehi jika belajar bersendirian dan ianya juga dapat membimbing pelajar yang tiada asas untuk dijadikan rujukan ketika menghadapi masalah. Hal ini kerana pelajar yang baik perlu mengetahui sumber yang boleh dirujuk apabila mereka menghadapi kesukaran pembelajaran termasuklah rakan sepengajian dan tenaga pengajar (Hsu 1997; Lynch 2006; Pintrich et al. 1991).


Sehubungan dengan itu, kehadiran murid-murid yang telah terdedah dan mempunyai asas dalam pembelajaran B2 sepatutnya menjadi faktor pendorong kepada murid-murid yang buat julung kalinya mempelajari kemahiran pembelajaran B2 di sekolah. Disebabkan oleh fenomena inilah, Burke (2007) mencadangkan agar pelajar yang baik tidak seharusnya diasingkan daripada pelajar yang lemah supaya berlaku komunikasi antara mereka. Bilangan pelajar di dalam satu kelas tidak boleh terlalu ramai dan beliau mencadangkan agar bilangan pelajar adalah sebanyak 25 orang atau kurang di dalam satu kelas. Hal ini bagi memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan bahasa di dalam kelas (Eiko Ushida 2005: 18).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan kualitatif, di mana data kuantitatif yang digunakan adalah berdasarkan keputusan UPSR pada tahun 2013 bagi mata pelajaran BM yang diduduki oleh 87 orang murid SJKT BM, Pulau Pinang sahaja. Manakala, data kualitatif adalah merujuk kepada perbincangan faktor-faktor yang berdasarkan pada pemerhatian dan pengalaman pengkaji sebagai guru selama 8 tahun di SJKT. Kajian lanjutan dijalankan secara kaedah perpustakaan. Kajian ini hanya memfokuskan kepada sikap 87 orang murid tahun 6 dari aspek kognitif, afektif dan konatif dalam pembelajaran BM.

DAPATAN KAJIAN


Data kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah keputusan peperiksaan UPSR SJKT BM bagi tiga tahun berturut-turut bermula dari tahun 2011, 2012 dan 2013.



RAJAH 1. Analisa Keputusan Peperiksaan UPSR SJK (T) BM bagi tiga tahun berturut-turut bermula dari tahun 2011, 2012 dan 2013.

Peratus kelulusan bagi mata pelajaran BM PEM pada tahun 2011 adalah sebanyak 86.59% dan seterusnya menurun kepada 74.70% pada tahun 2013. Hal ini menunjukkan berlakunya penurunan peratusan sebanyak 11.89% sejak tahun 2011 sehingga 2013. Berdasarkan pernyataan ini, dapat dirumuskan bahawa murid-murid didapati belum bersedia untuk belajar dan tidak sedar akan kepentingan bahasa yang dipelajarinya. Situasi ini bertepatan dengan pendapat Thorndike (1932) dalam Kamaruddin Hussin (1993) yang memperkenalkan prinsip kesediaan belajar. Menurut prinsip ini, proses pembelajaran akan menjadi lebih efektif sekiranya sudah wujud kesediaan sendiri murid-murid untuk menerimanya. Manakala, peratus kelulusan keputusan UPSR bagi mata pelajaran

BM PEN pula menunjukkan penurunan dari tahun 2011 sehingga 2012 dan seterusnya berlaku peningkatan dari tahun 2012 sehingga 2013. Hal ini adalah berbeza jika dibandingkan dengan peratus kelulusan BM PEM. Peratus kelulusan pada tahun 2011 adalah sebanyak 68.29% dan menurun kepada 62.10% pada tahun 2012. Manakala, pada tahun 2013 pula peratusan kelulusan telah meningkat kepada 79.30%. Daripada data tersebut, peratusan kelulusan telah menurun sebanyak 6.19% dari tahun 2011 sehingga 2012 dan menunjukkan peningkatan sebanyak 17.2% dari tahun 2012 sehingga tahun 2013. Pemerhatian pengkaji mendapati bahawa sikap, motivasi dan kesediaan murid berhubung kait antara satu sama lain. Hal ini turut diperkukuhkan dengan pendapat Gardner & Lambert, 1972 dalam Zamri Mahamod, 2004. Menurut mereka, murid yang bersikap positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan memperlihatkan kejayaan dalam menguasai bahasa sasaran dan sebaliknya.




RAJAH 2. Analisa Peratus Kegagalan Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Berdasarkan Keputusan Peperiksaan UPSR Bagi Tahun 2011, 2012 dan 2013 SJK (T) BM.

Jadual 4 pula, menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dari segi peratus kegagalan dalam BM PEM dan penurunan dalam BM PEN dari tahun 2011 hingga 2013. Peratus kegagalan BM PEM pada tahun 2011 ialah 86.59%; 2012 ialah 77.90% dan 2013 pula 74.70%. Data ini menunjukkan penurunan yang berterusan dalam BM PEM sebanyak 8.69% dari tahun 2011 sehingga 2012; sebanyak 3.2% dari tahun 2012 sehingga 2013. Pengkaji berpendapat, sikap negatif murid-murid seperti membenci atau memandang rendah BM adalah disebabkan ketidakfahaman mereka terhadap BM dan situasi ini menyukarkan proses pembelajaran bahasa. Tambahan pula, murid-murid ini juga menunjukkan motivasi yang rendah semasa belajar BM dalam jangka waktu yang lama berbanding subjek-subjek lain. Hal ini disokong melalui kajian Zaliza Mohamad Nasir (2014). Berdasarkan pengalaman

beliau, penggunaan BM hanya digunakan bagi mata pelajaran BM sahaja dan bagi subjek lain mereka perlu menyiapkan tugas dalam bahasa Inggeris.

Manakala peratus kegagalan keputusan UPSR bagi mata pelajaran BM PEN pula menunjukkan peningkatan dari tahun 2011 hingga 2012 dan penurunan dari tahun 2012 sehingga 2013. Ini menunjukkan terdapat perbezaan peratusan antara BM PEN jika dibandingkan dengan peratus kegagalan BM PEM. Peratus kegagalan pada tahun 2011 adalah 68.29%; 2012 adalah 62.10% dan 2013 pula 79.30%. Data ini menunjukkan peningkatan sebanyak 6.19% dari tahun 2011 sehingga 2012 dan penurunan sebanyak 17.2% dari tahun 2012 sehingga tahun 2013. Pengalaman pengkaji mendapati unsur individu dan persekitaran berbahasa telah mempengaruhi sikap positif murid-murid terhadap BM yang pada mulanya meningkat peratus kegagalan dan disusuli dengan penurunan peratus kegagalan. Fenomena ini disokong oleh dapatan kajian Abdul Rahim Abu & Mohd Sharifudin Yusop (2014) dan Hipotesis Filter Afektif oleh Stephen Krashen (1982) dalam Noor Aina (2006) berdasarkan Teori Monitor beliau. Menurut kedua-dua mereka, seseorang akan menonjolkan keputusan yang baik jika mereka bersikap positif, bermotivasi dan bersemangat terhadap bahasa yang ingin mereka kuasai.



RAJAH 3. Trend Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Berdasarkan Keputusan Peperiksaan UPSR Bagi Tahun 2011, 2012 dan 2013 SJK (T) BM.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa peningkatan keputusan UPSR 2013 adalah dipengaruhi oleh wujudnya perubahan sikap dalam kalangan murid-murid SJKT BM terhadap pembelajaran BM. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini telah di analisa dari segi kognitif, afektif dan konatif dalam aspek sikap murid-murid SJKT BM terhadap pemerolehan B2.

ASPEK KOGNITIF

Jika dikaji dari aspek kognitif, sebahagian murid-murid bersetuju bahawa BM sebagai pembelajaran B2 adalah penting. Murid-murid ini telah terdedah kepada kepentingan BM sejak dari tahun 1-6. Pembelajaran BM telah sebati dengan P&P harian mereka setiap hari. Mereka juga sedar bahawa dengan mendapat keputusan pencapaian yang cemerlang, mereka berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dengan mendapat bantuan biasiswa dan pinjaman pendidikan daripada kerajaan Malaysia. Oleh yang demikian, minat untuk mempelajari BM itu sebenarnya adalah untuk lulus dalam peperiksaan dan menikmati peluang pendidikan pada masa akan datang. Jadi golongan murid-murid ini belajar sama ada untuk lulus sahaja atau lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa apabila pelajar menumpukan perhatiannya semasa mempelajari BM, murid-murid tersebut secara tidak langsung dengan sendirinya akan memperbaiki dirinya dalam pemerolehan B2. Oleh itu, sepanjang proses P&P, murid-murid akan memperoleh lebih banyak B2 jika dibandingkan dengan murid-murid yang tidak menumpukan perhatiannya semasa belajar B2. Pemantauan pengkaji mendapati kenyataan ini benar kerana murid-murid yang lulus dalam B2 iaitu BM berada dalam golongan ini.

Namun, bagi murid-murid yang mempunyai asas dalam pembelajaran BM mendapatinya ia adalah satu mata pelajaran yang senang, jika dibandingkan dengan murid-murid yang menghadapi kesulitan dalam pembelajaran bahasa ini. Hal ini disebabkan mereka telah didedahkan dengan kaedah dan strategi pembelajaran sejak dari prasekolah (dari umur 4-5 tahun di taska & tabika serta umur 6 tahun di tadika). Tanggapan ini dapat meningkatkan lagi kepercayaan mereka untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran BM (Lynch 2008) serta meningkatkan lagi usaha dan ketekalan mereka untuk belajar (Brophy 1998). Pendapat ahli linguistik ini dapat diterima dalam konteks kajian ini kerana tahap pembelajaran murid-murid di SJKT BM bermula pada peringkat yang paling asas dan kebanyakan kandungan pelajaran telah mereka pelajari sejak dari tahap satu (darjah 1-3).

Oleh itu, murid-murid yang tidak mempunyai asas, memandang pembelajaran B2 ini, sebagai mata pelajaran yang sukar dan mustahil bagi mereka untuk lulus kerana mereka tidak pernah terdedah dengan kaedah pembelajaran B2. Hakikatnya, murid-murid

ini sepatutnya menggandakan usaha mereka agar dapat berjaya dalam bahasa ini dan dapat menyaingi murid-murid yang sudah mempunyai asas. Dalam situasi yang sama Lynch (2008), telah mentakrifkan keadaan ini berlaku kerana pelajar-pelajar itu tidak menjiwai etika profesion mereka sebagai seorang pelajar.

Sebahagian besar murid-murid yang gagal dalam mata pelajaran BM di UPSR di SJKT BM, adalah murid-murid yang berada dalam kelas 6 K (murid-murid sederhana) dan 6 B (murid-murid lemah). Golongan murid-murid ini biasanya beranggapan bahawa BM adalah bahasa yang asing dan bukannya bahasa pertama atau bahasa ibunda mereka. Mereka percaya dan berpendapat bahawa mereka akan gagal pada akhirnya walaupun telah membuat banyak latihan yang diberi oleh guru. Tambahan pula, ada kalanya murid-murid ini menyiapkan latihan atau karangan tanpa memahami konteks dan strategi. Situasi ini adalah sejajar dengan konsep jangkaan dalam teori jangkaan-nilai, di mana kebanyakan individu tidak akan melakukan dan meneruskan sesuatu tugasan apabila mereka menjangkakan bahawa mereka akan gagal.

Ini adalah benar dalam hal murid-murid SJKT BM. Mereka mungkin berminat dan menilai tinggi sesuatu kursus, tetapi apabila mereka gagal berulang kali, maka mereka tidak akan terlibat lagi dalam kursus tersebut lagi (Pintrich & Schunk 1996; Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah 2010: 26). Pandangan Pintrich dan Schunk (1996) yang menyatakan bahawa aspek nilai yang akan memandu kognitif, motivasi dan kelakuan bagi menentukan tindakan yang diambil, boleh dikaitkan dengan fenomena ini. Ini adalah kerana, murid-murid sering mengaitkan tujuan pembelajaran BM dengan pencapaian keputusan cemerlang '7A', maka orientasi pembelajaran mereka adalah berasaskan ekstrinsik, iaitu untuk mendapatkan ganjaran. Jadi, secara tidak langsung murid-murid telah membataskan pembelajaran B2 hanya untuk mendapat gred 'A' sahaja dan bukannya untuk mempelajari ilmu B2.

ASPEK AFEKTIF

Dari aspek afektif pula, semua murid menunjukkan sikap yang positif terhadap BM. Murid-murid ini berpendapat BM merupakan satu bahasa yang menarik dan mudah dipelajari. Mereka dapat menguasai dan berkomunikasi dengan

mudah secara lisan. Guru-guru BM telah berjaya memainkan peranan mereka sebagai model pembelajaran yang baik dengan menggunakan bahasa yang sesuai dengan tahap murid-murid dan ini telah berjaya menghalang murid-murid daripada menguasai bahasa yang tidak betul. Ini disokong dengan kajian oleh Mardian dan Marniyati (2011) yang menyatakan bahawa guru berperanan penting dalam penentuan proses pembelajaran Bahasa berjalan dalam situasi yang kondusif dan efektif.

Murid-murid yang berlatar belakang dalam pembelajaran BM pula, menyatakan hasratnya untuk mempelajarinya dengan lebih mendalam pada masa hadapan. Manakala pelajar yang tidak mempunyai asas pula rasa terhalang dengan sikap negatif mereka seperti rasa malu, kurang membaca, kurang merujuk kamus, tidak menyiapkan latihan serta latih tubi tambahan, rasa rendah diri dan rasa takut melakukan kesilapan selari dengan dapatan kajian Ewald (2007), Ghaith dan Diab (2008) dan Newman (2002). Pendapat mereka juga menyokong Teori '*Causal Attributional*', terdahulu (Pintrich & Schunk, 1996) yang menyatakan bahawa faktor personal mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran (Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah 2010: 26).

Sekiranya, murid-murid mempunyai sikap yang negatif terhadap corak pembelajaran B2 gagal dalam ujian di peringkat sekolah, mereka akan menyatakan rasa marah, putus asa, tidak berpuas hati dan malu kerana tidak mampu menguasai pembelajaran BM seperti yang diharapkan oleh diri sendiri, guru, ibu bapa dan masyarakat persekitaran. Kelemahan yang ada pada mereka ini menyebabkan rasa tidak yakin untuk bertutur serta rasa rendah diri apabila membandingkan diri mereka dengan kawan-kawan yang lain. Sikap sebeginilah yang penulis rasa sepatutnya dikikis sepenuhnya dari diri murid-murid kerana ia akan membawa implikasi negatif kepada mereka. Dapatan kajian ini menyokong teori jangkaan-nilai yang telah dibincangkan terlebih dahulu.

Memandangkan keperluan setiap murid adalah berbeza antara satu dengan yang lain maka, para guru BM di SJKT BM perlulah mahir dalam ilmu pedagogi dan menonjolkan tingkah laku yang terbaik sebagai guru BM. Namun, dari pengalaman penulis sendiri, penulis berpendapat bahawa terdapat juga murid-murid yang memandang positif terhadap kehadiran murid-murid yang lebih mahir di kelas jiran mereka. Murid-murid ini menganggap kewujudan mereka sebagai pembakar semangat

dan mendorong mereka berusaha lebih kuat serta menjadikannya sebagai rujukan sekiranya tidak faham dan menghadapi kesukaran dalam BM.

Penulis pernah berhadapan dengan kewujudan '*study group*', yang mempunyai murid-murid dari 6 T (murid cemerlang), 6 K (murid sederhana) dan 6 B (murid lemah). Apabila diselidik, penulis mendapati ianya diwujudkan di atas usaha sendiri murid-murid ini tanpa sebarang paksaan dan sikap kesedaran 'kita maju bersama'. Pendekatan ini telah menghapuskan tekanan yang dirasakan kelompok murid-murid sederhana dan lemah. Hasil daripada menyertai '*study group*' ini pencapaian murid-murid tersebut menampakkan peningkatan dari segi prestasi kelulusan dalam pembelajaran bahasa kedua. Malah, mereka juga menyatakan sebahagian besar pertanyaan dan kemusykilan mereka dijawab dan ditunjuk ajar oleh rakan mereka yang lebih arif dari mereka.

Namun kelebihan yang ada pada murid-murid yang mahir dalam pembelajaran B2 ini, kadang-kadang menyebabkan mereka menjadi sombong, tidak menghormati kepakaran yang ada pada guru BM di sekolah dan merasakan bahawa mereka akan membazirkan masa sekiranya mereka menghadiri kelas tambahan, Klinik BM, bengkel teknik dan strategi menjawab soalan BM, kem motivasi dan guru mentor mereka yang diadakan oleh guru BM. Mereka lebih rela menghadiri kelas '*tuisyen*' atau '*home tuisyen*' yang kebanyakannya bukan dikendalikan oleh guru yang berpengalaman dan berkelulusan tetapi yang hanya berkelulusan SPM sahaja. Dapatan yang sama juga diperoleh oleh kajian kualitatif Yoshida (2008), yang mendapati bantuan dari pelajar yang pandai telah disalahtafsirkan oleh pelajar yang lemah sebagai mengganggu dan sombong (Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah 2010: 28). Situasi ini telah menyebabkan murid-murid 6 B yang lemah, lebih gemar untuk mengulang kaji dengan rakan yang setara dengan mereka.

ASPEK KONATIF

Dapatan kajian yang di analisa dari segi konatif, pula mendapati bahawa sikap positif murid-murid SJKT BM memberi kesan kepada usaha mereka dalam mempelajari B2 ini. Fenomena ini dapat dilihat dari segi kesungguhan mereka untuk mempelajari serta memahirkan diri mereka dengan lebih lanjut berkenaan pembelajaran BM. Ini kerana walaupun

mereka sederhana atau lemah, usaha yang gigih dan berterusan telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam BM. Hal ini terbukti pada Jadual 1, yang menunjukkan peningkatan prestasi BM PEN yang menunjukkan peningkatan sebanyak 17.2% dari tahun 2012 sehingga 2013.

Situasi ini mungkin disebabkan oleh faktor orientasi pembelajaran murid yang berbentuk intrinsik. Beberapa kajian terdahulu (Ray, Garavalia, & Murdock, 2003; Song & Grabowski, 2006; Young 2005) mendapati bahawa motivasi intrinsik, iaitu pembelajaran dengan matlamat ingin menguasai (*mastery orientation*) bahasa akan menyebabkan pelajar tekal dan ingin meneruskan pembelajaran pada masa hadapan.

Pemerhatian dan perbualan penulis dengan murid-murid yang mendapat keputusan cemerlang dalam BM mendapati bahawa, mereka berbual dengan kawan-kawan sebangsa menggunakan BM. Hal ini disebabkan kerana murid-murid berpendapat bahawa dengan menggunakan BM, mereka dapat meningkatkan kemahiran dan keterampilan berbahasa dalam BM. Motivasi intrinsik telah mendorong mereka berbuat demikian. Ini kerana motivasi ialah penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat (Bernard, H.W. 1965 dalam Kamaruddin Hussin 1993). Sikap murid-murid terhadap penggunaan BM semasa berbual dengan kawan-kawan berlainan bangsa di kelas tambahan atau di luar, telah memaksa mereka untuk memperkayakan perbendaharaan kata mereka. Penulis sendiri pernah melihat situasi ini di perpustakaan sekolah SJKT BM, murid-murid ini sama ada mencari perkataan baru, mencari sinonim, antonim, akronim dan sebagainya semasa waktu rehat atau pun selepas tamat waktu persekolahan. Ada kalanya murid-murid ini membawa kamus ekabahasa, dwibahasa atau tiga bahasa ke bilik guru dan mendapat penjelasan lanjut daripada guru-guru agar kemusykilan mereka terjawab.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid SJKT BM yang cemerlang dalam pembelajaran B2 iaitu BM, mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa tersebut. Murid-murid yang cemerlang akan berusaha lebih dengan menggunakan sikap pembelajaran bahasa yang membangunkan agar mereka berjaya dalam usaha mereka. Murid-murid ini bukan sahaja memberikan tumpuan tambahan

terhadap pembelajaran B2 di dalam kelas, tetapi mereka juga mempunyai sikap yang positif untuk berusaha sendiri di luar kelas bagi memantapkan pengetahuan dan pemahaman mereka. Langkah murid-murid ini adalah merangkumi merujuk sendiri guru-guru BM, rakan sebaya yang arif dalam pembelajaran BM, ahli keluarga sendiri yang berkelulusan akademik tinggi dalam BM dan guru besar sekolah yang dianggap sebagai penyelesaian masalah mereka.

Justeru itu, kajian ini mendapati bahawa sikap murid adalah positif terhadap pembelajaran B2 sama ada dari segi kognitif, afektif dan konatif. Sebaliknya, murid-murid yang lemah di SJKT BM pula, mempunyai pandangan yang negatif terhadap pembelajaran B2 dengan menganggap belajar bukanlah sesuatu yang menyeronokkan tetapi merupakan suatu bebanan dan hukuman yang berat bagi mereka. Tanggapan ini dengan sendirinya telah menjadikan mereka kurang bermotivasi untuk berusaha agar lebih berjaya dalam pembelajaran B2. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa murid-murid yang lemah dalam BM boleh dilatih atau diberi kesedaran tentang strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar cemerlang melalui '*Learner Training*' atau '*Learning How To Learn*' (Mohamed Amin Embi et al. 2001).

Pengkaji mencadangkan agar teknik penilaian murid yang berasaskan penguasaan dan kemajuan murid secara individu juga mungkin boleh dipertimbangkan berbanding pendekatan sekarang yang menggunakan pendekatan yang terlalu mengutamakan pencapaian gred 'A' pada UPSR dan malah di semua peperiksaan kerajaan seperti PMR, SPM dan STPM. Pengkaji juga berpendapat bahawa sekiranya pendekatan yang disarankan diamalkan di semua sekolah rendah di Malaysia maka, murid-murid sekolah rendah tidak akan merasa tertekan dalam pembelajaran B2 serta membandingkan pencapaiannya dengan murid-murid lain yang lebih pandai berdasarkan pencapaian UPSR .

Di samping itu, pengkaji juga berpendapat bahawa para ibu bapa murid-murid di sekolah rendah hendaklah berusaha untuk melawat guru-guru yang mengajar anak mereka dari masa ke semasa. Lawatan ini akan membolehkan para ibu bapa sedar akan pencapaian dan tahap akademik anak-anak mereka. Mereka juga hendaklah mencari jalan penyelesaian untuk menyediakan pengangkutan bagi kelas tambahan yang diadakan di sekolah oleh guru-guru. Ini kerana hampir kesemua pemandu bas sekolah dan van boleh dikatakan 'mogok tidak

menyediakan perkhidmatan pengangkutan' bagi murid-murid selepas kelas tambahan dan sekolah ganti yang diadakan atas arahan KPM pada hari Sabtu. Maka, berlakulah masalah kekurangan murid di kelas tambahan yang mengakibatkan kegagalan kelas tersebut.

Pengkaji merasakan bahawa tumpuan yang spesifik haruslah diberikan oleh semua pihak untuk mencapai 'sifar kegagalan' dalam pembelajaran B2 di peringkat pendidikan awal iaitu di sekolah rendah lagi. Rata-rata semua orang dan pihak sentiasa mengagung-agungkan murid-murid yang mendapat '7A' sahaja dan mengabaikan murid-murid yang terkandas dengan memberikan ganjaran yang hebat bagi murid-murid yang berjaya sahaja. Perhatian yang lebih dan terperinci hendaklah diberi kepada murid-murid yang gagal dan yang lemah dalam mata pelajaran BM.

Klinik BM, bengkel, teknik serta strategi menjawab soalan BM, bengkel penulisan karangan, kem motivasi, program rakan sebaya dan program mentor-mentee pula hendaklah dimulakan sejak dari tahun satu dan bukannya hanya di perhebatkan di tahun 5 dan 6 sahaja. Langkah ini akan memberi tunjuk ajar kepada murid-murid sejak dari tahun satu lagi. Ini akan menjanjikan pembelajaran beransur maju secara berperingkat-peringkat. Semua teknik yang digunakan itu akan diteruskan dan ditambah dari masa ke semasa secara perlahan-lahan berdasarkan kebolehan murid-murid sekolah rendah.

Pengkaji merasakan sekiranya perhatian individu diberikan oleh semua pihak bukan hanya oleh guru BM, maka minat membaca dalam kalangan pelajar murid-murid yang lemah dan sering gagal ini dapat diwujudkan. Penulis yakin sekiranya langkah-langkah yang disarankan di atas diamalkan oleh semua pihak, maka pembelajaran B2 iaitu Bahasa Melayu di semua SJKT dan SJKC bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai.

Senarai Singkatan

Singkatan	Makna
BM	Bahasa Melayu
B2	Bahasa Kedua
SJKT BM	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bukit Mertajam
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJKC	ekolah Jenis Kebangsaan Cina
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah

KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
UG	Ujian Diagnosis
6T	6 Thiruvalluvar
6K	6 Kamar
6B	6 Bharathiyar
PEM	Pemahaman
PEN	Penulisan
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abu dan Mohd Sharifudin Yusop. 2014. Sikap kanak-kanak orang Asli di Bandar raya Kuala Lumpur terhadap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)* 4(2): 57-66.
- Brophy, J. 1998. *Motivating Students to Learn*. New York: McGraw-Hill.
- Burke, B. M. 2007. Creating communicative classrooms with experiential design. *Foreign Language Annals* 40(3): 441-462.
- Eiko Ushida. 2005. The role of students' attitudes and motivation in second language learning in online language courses. *CALICO Journal* 23(1): 49-78.
- Ewald, J. D. 2007. Foreign language learning anxiety in upper-level classes: Involving students as researchers. *Foreign Language Annals* 40(1): 122-142.
- Gardner, R. C. 1985. *Social Psychology and Second Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold Publishers.
- Gardner, R.C. & Lambert, W.E. 1959. Motivational variables in second language acquisition. *Canadian Journal of Psychology* 13(4): 266-272.
- Gardner, R.C. & MacIntyre, P.D. 1993. A student's contribution to second language learning. Part II: Affective variables. *Language Teaching* 26: 1-11.
- Ghaith, G. & Diab, H. 2008. Determinants of EFL achievement among Arab college-bound learners. *Education, Business and Society: Contemporary Middle Eastern Issues* 1(4): 278-286.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Parilah M. Shah. 2010. Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 10(3): 15-33.
- Hsu, J. T. S. 1997. Value, expectancy, metacognition, resource management, and academic achievement: A structural model of self-regulated learning in a distance education context. Thesis Ph.D. California: University of Southern California.
- Kamaruddin Hussin. 1993. *Pengajaran Lisan: Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1994. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1994: Peruntukan Masa KBSR bagi Seminggu dan Jadual Pelaksanaan Mata-Mata Pelajaran KBSR. Kuala Lumpur: Unit ICT, Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lynch, D. J. 2006. Motivational factors, learning strategies and resource management as predictors of course grades. *College Student Journal* 40(2): 423-428.

- Mardian Shah Omar dan Marniyati Mohd. Nor. 2011. Meningkatkan dan Memperkasa Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di IPTS. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu. Universiti Putra Malaysia.
- Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamod & Mohd. Nazali Abu Bakar. 2001. Pola penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu. *Journal of Language Teaching Linguistics and Literature* 7:95-109.
- Newman, R. S. 2002. How self-regulated learners cope with academic difficulty: The role of adaptive help seeking. *Theory into Practice* 41(2): 132-138.
- Norizah Ardi. 2005. Sikap terhadap Bahasa Melayu dan penggunaannya di kalangan pelajar universiti di Selatan Thailand. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noor Aina Dani. 2006. *Asas Psikolinguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. 2010. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. II Tahun 2010: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap Satu Mulai 2011. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. 2013. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2 Tahun 2013: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap II Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2014. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pintrich, P. R., Smith, D. A. F., Garcia, T., & McKeachie, W. J. 1991. *A manual for the use of the Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ)*. Michigan: University of Michigan.
- Pintrich, P. R. & Schunk, D. H. 1996. *Motivation in Education: Theory, Research and Application*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Ray, M., Garavalia, L., & Murdock, T. 2003. Aptitude, motivation and self-regulation as predictors of achievement among developmental college students. *Research & Teaching in Developmental Education* 20(1): 5-21.
- Song, H. D., & Grabowski, B.L. 2006. Stimulating intrinsic motivation for problem solving using goal-oriented contexts and peer group composition. *Educational Technology, Research and Development* 54(5): 445-466.
- Young, M. R. 2005. The motivational effects of the classroom environment in facilitating self-regulated learning. *Journal of Marketing Education* 27(1): 25-40.
- Yorio, C. 1986. Consumerism in second language learning and teaching. *Canadian Modern Language Review* 42(3): 668-687.
- Yoshida, R. 2008. Learners' perception of corrective feedback in pair work. *Foreign Language Annals* 41(3): 525-541.
- Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 134: 408-415.
- Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifley Hamid. 1994. *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saraswathy A/P Pormalu @ Perumal
Pelajar Master,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mel: sarasperumal73@yahoo.com

Rohaidah Kamaruddin, Ph. D.
Pensyarah Kanan,
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor,
MALAYSIA.
E-mel: rohaidah_k@upm.edu.my

Paramasivam A/L Muthusamy, Ph. D.
Profesor Madya,
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor,
MALAYSIA.
E-mel: paramasivam@upm.edu.my

Ayuni Binti Mohamad Bakari
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor,
MALAYSIA.
E-mel: unie_arisya90@yahoo.com

Husna Hidayah Binti Mansor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor,
MALAYSIA.
E-mel: hidayahusnamansor@yahoo.com

Diserahkan: 11 Oktober 2016
Diterima: 17 Oktober 2016

